



KENYATAAN AKHBAR PERKESO ACTIV@WORK CHALLENGE 2017

PERKESO dengan kerjasama BookDoc akan menganjurkan PERKESO Activ@Work Challenge 2017 bermula 1 September hingga 30 November 2017. Program ini merupakan program yang berkonsepkan cabaran dengan bergiat aktif melakukan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berlari dan bersenam. Program ini dianjurkan khas kepada golongan majikan dan pekerja di seluruh Malaysia.

Bersandarkan kepada konsep promosi kesihatan di tempat kerja, PERKESO menganjurkan program ini sebagai usaha mempromosikan dan menggalakkan golongan pekerja untuk kekal aktif dalam kehidupan seharian di mana sahaja mereka berada walaupun berada di tempat kerja. Dengan bergiat aktif, pekerja akan lebih cergas, cerdas dan produktif. Selain daripada menasaskan golongan pekerja, cabaran ini juga bertujuan bagi memotivasikan majikan supaya memberikan galakkan dan sokongan kepada pekerja masing-masing dalam mengamalkan aktiviti sihat di tempat kerja. Program ini adalah sebagai salah satu usaha PERKESO dalam menangani cabaran penyakit tidak berjangkit yang memberikan impak tinggi kepada golongan pekerja pada masa kini.

Cabaran ini merupakan cabaran yang akan mengambil masa selama tiga (3) bulan yang bermula pada bulan September hingga November 2017 di mana majikan yang diwakili oleh pekerja masing-masing akan bertanding di antara satu sama lain bagi mendapatkan jumlah mata terkumpul yang tertinggi melalui jumlah langkah (*step-count*) oleh pekerja mereka sepanjang tempoh pertandingan. Pekerja perlu mencapainya sasaran yang telah ditetapkan untuk menyumbangkan mata kepada majikan. Di akhir cabaran, majikan dan pekerja yang mendapat jumlah mata yang tertinggi akan dinobatkan sebagai Majikan dan Pekerja Paling Aktif.

Aktiviti fizikal pekerja akan dipantau melalui aplikasi BookDoc Activ yang perlu dimuat turun ke dalam telefon pintar setiap peserta. Aplikasi ini akan disambungkan kepada aplikasi kesihatan yang sedia ada di telefon pintar ataupun alatan kesihatan bagi menjejaki dan merekod kiraan langkah peserta. Selain menyumbangkan mata kepada majikan, pekerja juga ditawarkan pelbagai ganjaran menarik melalui aplikasi BookDoc Activ. Ganjaran ini ditawarkan kepada pekerja untuk memberikan galakkan kepada mereka untuk mencapai sasaran yang ditetapkan juga menjadikan aktiviti fizikal sesuatu yang menarik untuk dilakukan.

Penyertaan terbuka kepada semua majikan yang berdaftar dengan PERKESO di seluruh negara. Majikan yang berminat untuk menyertai boleh melayari laman web activatwork.perkeso.gov.my untuk mendaftar. Pendaftaran hanya boleh dibuat oleh majikan sahaja. Majikan yang mendaftar akan menerima email yang akan menerangkan panduan seterusnya bagaimana mempromosikan program ini dikalangan pekerja mereka.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Hotline PERKESO di talian 03-4264 5089 atau 03-4252 1258/4475/4476 atau emailkan kepada activatwork_sec@perkeso.gov.my. Sebarang pertanyaan teknikal, boleh menghubungi BookDoc di talian 1-300-88-2362 atau emailkan kepada activatwork@bookdoc.com

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

17 JULAI 2017

**Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
PERKESO Activ@Work Secretariat**

Hotline : 03-4264 5089 atau 03-4252 1258/4475/4476
Laman Web : activatwork.perkeso.gov.my
Emel : activatwork_sec@perkeso.gov.my

BookDoc (Teknikal)

HOTLINE : 1-300-88-2362
Emel : activatwork@bookdoc.com